Indahnya SyurgaMu

By : Badrul

Bismillahirrahmanirrahim

***Jannah* atau syurga menurut etimologi bererti taman yang terdiri daripada pohon kurma ataupun pohon-pohon lain.**

Perkataan ini diambil daripada lafaz *janna* yang bermaksud menutupi. Ia dipanggil seperti itu kerana pohon-pohon yang ada di syurga amat rendang daunnya. Cabang-cabang daripada sebatang pohon bertaut dengan cabang-cabang daripada pohon lain sehingga bahagian atas menjadi naungan atau payung tempat berteduh.

Syurga adalah tempat kediaman ataupun istana yang disediakan oleh Allah SWT untuk hamba-hambanya yang bertaqwa. Ini merupakan balasan untuk mereka yang beriman dengan jujur dan benar serta beramal soleh.

NAMA-NAMA SYURGA

Al-Quran memberikan banyak gelaran nama syurga seperti Jannatul Ma'wa iaitu syurga tempat tinggal(Surah Al-Najm:14-15), Jannatul Adn iaitu syurga tempat tinggal yang kekal(Surah Saff:12), Darul Khulud iaitu perumahan yang kekal(Surah Furqon:15) dan Firdaus(Surah Al Kahfi:107) iaitu syurga. Selain itu, Darussalam(Surah An'am:127) iaitu tempat kediaman yang damai, Darul Muqamah(Surah Fathir:34-35) iaitu tempat kediaman yang kekal, Jannatun Na'im(Surah Luqman:8) iaitu tempat taman-taman menyenangkan dan lain-lain.

KELUASAN SYURGA

Dalam Al-Quran juga disebutkan luas syurga itu adalah seluas keseluruhan langit dan bumi.(Surah Ali Imran:133). Pernah Rasulullah SAW ditanya tentang neraka, *"Jikalau luas syurga adalah seluas keseluruhan langit dan bumi, maka di manakah tempat neraka?"*

Baginda memberi jawapan tersebut dengan berkata, *" Maha Suci Allah, di manakah malam jikalau siang sudah menjelma."* ***(Buku Fatwa-fatwa Kontemporer Jilid 1 karangan Dr. Yusuf Qardhawi/Penerbit: Gema Insani Press, 1995)***

KENIKMATAN SYURGA

SIFAT SYURGA

- **Dalam Surah Muhammad ayat 15 ada disebutkan, " Sifat syurga yang dijanjikan kepada orang yang bertaqwa, di dalamnya beberapa sungai dari air yang tidak berubah rasa dan baunya dan beberapa sungai dari air susu yang tidak brubah rasanya serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang yang meminumnya dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih. Dan untuk mereka dalamnya segala jenis buah-buahan dan keampunan daripada Tuhan mereka…"**
-

1. Bertingkat-tingkat

Telah ada dalam nas yang sahih bahwa syurga ada seratus tingkat, jarak antara tingkat sejauh langit dan bumi.

Dari Abu Hurairah r.a, dari Rasulullah SAW yang bersabda:
إِنَّ فِي الْجَنَّةِ مِائَةَ دَرَجَةٍ أَعَدَّهَا اللهُ لِلْمُجَاهِدِينَ فِي سَبِيلِهِ بَيْنَ الدَّرَجَتَيْنِ كَمَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالأَرْضِ
"Sesungguhnya di syurga ada seratus tingkat yang dipersiapkan bagi para mujahidin di jalan-Nya. Jarak antara tingkat seperti jarak bumi dan langit." (HR. al-Bukhari no. 2790)

2. Pintu-pintu syurga

Pintu syurga ada lapan, salah satunya bernama Rayyan. Dari Sahl bin Sa'd r.a., dari Nabi SAW yang bersabda:
فِى الْجَنَّةِ ثَمَانِيَةُ أَبْوَابٍ، فِيهَا بَابٌ يُسَمَّى الرَّيَّانَ لاَ يَدْخُلُهُ إِلاَّ الصَّائِمُونَ
"Di syurga ada lapan pintu. Ada pintu yang dinamai Rayyan, tidak ada yang masuk melalui pintu tersebut melainkan orang-orang yang puasa." (HR. Bukhari: 3257)
Akan ada orang yang dipanggil untuk masuk dari semua pintu, di antara mereka adalah Abu Bakr r.a.

(lihat Shahih al-Bukhari no. 1879 dan Shahih Muslim no. 2418)

3. Penjaga syurga

Allah SWT berfirman:

Dan orang-orang yang bertaqwa kepada Rabb mereka dibawa ke dalam syurga berkelompok-kelompok (pula). Sehingga apabila mereka sampai ke surga itu sedangkan pintu-pintunya telah terbuka, berkatalah penjaga-penjaganya kepada mereka, “Keselamatan (dilimpahkan) untuk kalian. Berbahagialah kalian! Masukilah syurga ini, kalian kekal di dalamnya.” (az-Zumar: 73)

Dari Anas bin Malik r.a, Rasulullah SAW berkata:

آتِى بَابَ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَأَسْتَفْتِحُ فَيَقُولُ الْخَازِنُ: مَنْ أَنْتَ؟ فَأَقُولُ: مُحَمَّدٌ. فَيَقُولُ: بِكَ أُمِرْتُ لاَ أَفْتَحُ لِأَحَدٍ قَبْلَكَ

Aku mendatangi pintu syurga dan minta untuk dibukakan. Penjaga syurga pun berkata, “Siapa kamu?” Aku menjawab, “Muhammad.” Penjaga syurga berkata, “Aku telah diperintah membukanya untukmu, dan aku tidak boleh membukanya untuk orang lain sebelummu.” (HR. Muslim no. 507)

Ayat dan hadits di atas menunjukkan bahwa syurga ada penjaganya dari kalangan malaikat.

4. Bangunan syurga

Dari Ibnu Umar r.a:

سُئِلَ رَسُولُ اللهِ عَنِ الْجَنَّةِ: كَيْفَ هِيَ؟ قَالَ: مَنْ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ يَحْيَى لاَ يَمُوتُ، وَيَنْعَمُ لاَ يَبْأَسُ، وَلاَ تَبْلَى ثِيَابُهُ، وَلاَ يُبْلَى شَبَابُهُ. قِيلَ: يَا رَسُولَ اللهِ، كَيْفَ بِنَاؤُهَا؟ قَالَ: لَبِنَةٌ مِنْ فِضَّةٍ، وَلَبِنَةٌ مِنْ ذَهَبٍ، مِلاَطُهَا مِسْكٌ، وَحَصْبَاؤُهَا اللُّؤْلُؤُ وَالْيَاقُوتُ، وَتُرَابُهَا الزَّعْفَرَانُ.

Rasulullah SAW ditanya tentang syurga, “Bagaimanakah syurga?” Baginda menjawab, “Barang siapa yang masuk syurga akan terus hidup tak akan mati, terus akan mendapatkan kenikmatan tidak akan susah, tak akan lapuk bajunya, dan tak akan hilang masa mudanya.” Ditanyakan, “Wahai Rasulullah, bagaimana bangunannya?” Baginda menjawab, “Ada yang batanya dari perak dan ada yang dari emas, (adukan) simennya adalah misik(minyak wangi), kerikilnya adalah mutiara dan permata, dan tanahnya adalah za’faran.” (HR. Ibnu Abi Syaibah dan dinyatakan sahih oleh asy-Syaikh al-Albani dalam **tahqiq** Misykatul Mashabih)

5. Khemah-khemah Syurga

Allah SWT berfirman:

“(Bidadari-bidadari) yang pandangan mereka hanya kepada suami dipelihara dalam khemah-khemah.”

(ar-Rahman: 72)

Dari Abu Bakr bin Abdullah bin Qais, dari ayahnya r.a, Rasulullah n bersabda:

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ خَيْمَةً مِنْ لُؤْلُؤَةٍ مُجَوَّفَةٍ، عَرْضُهَا سِتُّونَ مِيلاً

“Di syurga ada khemah dari mutiara yang dilubangi, lebarnya enam puluh mil(ribu).” (HR. al-Bukhari no. 4879)

6. Sifat-sifat wanita Syurga

Allah dan Rasul-Nya telah menyebutkan sifat-sifat wanita syurga, di antara sifat wanita syurga:

• Akhlak dan tubuh mereka telah disucikan

Allah SWT berfirman:

“Bagi mereka istri-istri yang telah disucikan.” (al-Baqarah: 25)

Asy-Syaikh Abdurahman as-Sa’di berkata, “Mereka disucikan akhlak dan tubuhnya. Lisan dan pandangan mereka telah disucikan.”

• Tidak pernah disentuh lelaki lain dan tidak memandang lelaki lain

Allah SWT berfirman:

“Di dalam syurga itu ada bidadari-bidadari yang sopan menundukkan pandangannya, tidak pernah disentuh oleh manusia sebelum mereka (penghuni-penghuni syurga yang menjadi suami mereka), dan tidak pula oleh jin.” (ar-Rahman: 56)

7.Usia Ahli Syurga

Allah SWT berfirman:
"Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa mendapat kemenangan. (iaitu) kebun-kebun dan buah anggur, wanita-wanita yang sebaya." (an-Naba: 31—33)

Ikramah berkata : "Ketangkasan ahli syurga bagaikan orang berumur 33tahun sama ada lelaki/wanita. Tingginya 60 hasta setinggi Nabi Adam a.s. Mereka ini masih bersih halus tidak berjanggut. **Bola matanya memakai 70 jenis perhiasan yang berubah warnanya pada setiap jam 70 warna. Maka dapat dilihat mukanya pada muka isterinya. Demikian juga di dadanya, di betisnya. Begitu juga isterinya dapat melihat wajahnya di wajah suaminya, dada dan betisnya. Mereka tidak berludah dan tidak berhingus. Lebih-lebih lagi yang lebih kotor, maka jauh sekali."**

• **Mereka dijadikan oleh Allah SWT sebagai gadis**

Allah SWT berfirman:
"Sesungguhnya Kami menciptakan mereka (bidadari-bidadari) dengan langsung dan Kami jadikan mereka gadis-gadis perawan, penuh cinta lagi sebaya umurnya." (al-Waqiah: 35—37)

Tentang ayat ini, ada dua penafsiran:
1. Maksudnya adalah bidadari.
2. Yang dimaksud adalah wanita dari kalangan bani Adam, yakni Allah SWT kembalikan mereka menjadi gadis.
Dalam satu riwayat disebutkan, "Pernah seorang wanita tua minta agar Rasulullah SAW mendoakannya masuk surga. Rasulullah SAW berkata, 'Wahai Ummu Fulan, syurga tidak dimasuki wanita tua.' Wanita itu pun kembali dan menangis. Rasulullah SAW lalu berkata, 'Kabarkan kepadanya, dia tak akan masuk surga dalam keadaan tua sekali, kerana Allah berfirman:

'Sesungguhnya Kami menciptakan mereka (bidadari-bidadari) dengan langsung, dan Kami jadikan mereka gadis-gadis perawan, penuh cinta lagi sebaya umurnya.' (al-Waqiah: 35—37)." (Dinyatakan hasan oleh asy-Syaikh al-Albani dalam Mukhtashar asy-Syama'il)
Sifat-sifat di atas hanya sebahagian kecil dari sifat wanita syurga yang telah disebutkan oleh al-Qur'an dan as-Sunnah.

8. Makanan Ahli Syurga

Allah SWT berfirman:
"Dan buah-buahan yang mereka pilih dan daging burung yang mereka inginkan." (al-Waqi'ah: 20—21)

Buah-buahan di syurga banyak dan tidak terputus.

Allah SWT berfirman:
"Dan buah-buahan yang banyak, yang tidak berhenti (buahnya) dan tidak terlarang mengambilnya, serta kasur-kasur yang tebal lagi empuk." (al-Waqi'ah: 32—34)
Allah SWT berfirman:
"Buah-buahannya dekat, (kepada mereka dikatakan), 'Makan dan minumlah dengan sedap disebabkan amal yang telah kamu kerjakan pada hari-hari yang telah lalu'." (al-Haqqah: 23—24)
Dari Tsauban, Rasulullah SAW berkata,
إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا نَزَعَ ثَمَرَةً مِنَ الْجَنَّةِ عَادَتْ مَكَانَهَا أُخْرَى
"Seorang penghuni syurga jika memetik buah di syurga, buah yang lain akan menempati tempatnya." (HR. ath-Thabarani, dinyatakan sahih dalam Jami' ash-Shagir no. 1617 dan ash-Shahihah no. 1598)

9. Minuman Syurga

Allah SWT berfirman:
"Sesungguhnya orang-orang yang berbuat kebajikan minum dari gelas (berisi minuman) yang campurannya adalah air kafur(air syurga warna putih). (Yaitu) mata air (dalam syurga) yang darinya hamba-hamba Allah minum, yang mereka dapat mengalirkannya dengan sebaik-baiknya." (al-Insan: 5—6)
Allah SWT berfirman:
"Di dalam syurga itu mereka diberi minum segelas (minuman) yang campurannya adalah jahe(halia). (Yang didatangkan dari) sebuah mata air syurga yang dinamakan salsabil." (al-Insan: 17—18)
Abu Umamah r.a mengatakan, "Seorang penghuni syurga ingin meminum minuman. Datanglah ceret(teko) ke tangannya kemudian ia pun minum dan ceret tersebut kembali ke tempatnya." (Dinyatakan mauquf oleh asy-Syaikh al-Albani)

10. Melihat Allah SWT

Kenikmatan penduduk syurga yang paling agung adalah melihat wajah Allah SWT.

Allah SWT berfirman:
“Wajah-wajah mereka itu berseri-seri karena melihat Rabbnya.” (al-Qiyamah: 22—23)
“Bagi orang-orang yang berbuat baik *al-husna* dan tambahannya.” (Yunus: 26)

Para ahli tafsir berkata, “Al-husna adalah syurga. Tambahannya adalah melihat wajah Allah.”

Dari Shuhaib, Nabi saw berkata,
إِذَا دَخَلَ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ -قَالَ- يَقُولُ اللهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: تُرِيدُونَ شَيْئًا أَزِيدُكُمْ؟ فَيَقُولُونَ: أَلَمْ تُبَيِّضْ وُجُوهَنَا، أَلَمْ تُدْخِلْنَا الْجَنَّةَ وَتُنَجِّنَا مِنَ النَّارِ؟ قَالَ: فَيَكْشِفُ الْحِجَابَ فَمَا أُعْطُوا شَيْئًا أَحَبَّ إِلَيْهِمْ مِنَ النَّظَرِ إِلَى رَبِّهِمْ عَزَّ وَجَلَّ، ثُمَّ تَلاَ هَذِهِ الآيَةَ: { ٻ ٻ ٻ ٻ}
“Ketika penduduk syurga masuk ke dalamnya, Allah berfirman, ‘Kalian ingin Aku menambah (nikmat) untuk kalian?’ Penduduk syurga pun berkata, ‘Bukankah Engkau telah memasukkan kami ke syurga dan menyelamatkan kami dari neraka?’ Rasulullah berkata, “Allah SWT membuka hijab (sehingga mereka melihat Allah). Tidaklah mereka diberi nikmat yang lebih mereka senangi selain melihat Rabb mereka.” Kemudian Rasulullah SAW membaca: “Bagi orang-orang yang berbuat baik *al-husna* dan tambahannya (Yunus: 26).” (HR. Muslim)